

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN
HAJI NASARAH [LENGGONG]**

TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berdasarkan situasi semasa pandemik COVID-19 di dalam negara, sistem penyampaian pelajaran dalam talian harus diperkasakan, sejauh mana tindakan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dalam memastikan capaian Internet yang sempurna di kawasan luar bandar serta bentuk bantuan peranti elektronik yang boleh diberikan kepada pelajar dari keluarga B40.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pandemik COVID-19 ini telah mewujudkan kebergantungan kepada Internet yang tinggi di kalangan rakyat terutamanya para pelajar sama ada di kawasan bandar mahupun luar bandar. Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah mengambil beberapa inisiatif dalam menghasilkan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), sebuah rancangan yang dapat menangani isu akses kepada Internet berkualiti bagi perkhidmatan tetap dan mudah alih termasuk Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

SOALAN NO : 21

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan menara baharu akan meluaskan liputan jalur lebar mudah alih 4G, manakala penaiktarafan menara sedia ada daripada 3G kepada 4G akan menyediakan liputan 4G dengan kualiti dan kelajuan jalur lebar yang lebih baik di kawasan berkenaan.

Pelaksanaan JENDELA bukan sahaja tertumpu di kawasan-kawasan bandar, malah turut mengambilkira penyediaan infrastruktur digital di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman melalui program Pemberian Perkhidmatan Sejangat (USP) seperti berikut:

- a. Sehingga 31 Ogos 2021, melalui kaedah penyumbang utama, sebanyak 702 stesen pemancar daripada 5,394 stesen pemancar telah siap dinaiktaraf kepada teknologi 4G di seluruh negara. Manakala, sebanyak 362 menara baharu akan dibina menjelang penghujung 2022 yang akan meningkatkan kadar liputan 4G di kawasan berpenduduk di seluruh negara.
- b. Selain itu, sebanyak 1,661 menara baharu akan dilaksana secara kaedah tender terbuka di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman di seluruh negara melalui pelantikan Penyedia Perkhidmatan Sejangat yang Dilantik atau *Designated Universal Service Provider* pada suku keempat tahun 2021 untuk melonjakkan lagi kadar liputan 4G kepada 96.9% di kawasan berpenduduk di seluruh Malaysia, penghujung 2022 nanti.
- c. Manakala di kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak serta perkampungan Orang Asli, penyediaan perkhidmatan jalur lebar akan dipercepatkan melalui penyediaan perkhidmatan jalur lebar secara kolektif menggunakan teknologi satelit. Bagi tujuan ini, sebanyak 839 lokasi di seluruh negara telah dikenalpasti bagi memastikan ianya dapat memberikan liputan jalur lebar di kawasan-kawasan yang sukar diakses dengan teknologi gentian optik dan mudah alih. Inisiatif ini dalam proses pelaksanaan dan dijangka akan siap secara berperingkat bermula November 2021 sehingga awal tahun 2022.

SOALAN NO : 21

Untuk meningkatkan liputan di Perak dan Parlimen Lenggong, perancangan dan pencapaian JENDELA setakat 31 Ogos 2021 adalah seperti berikut:

Inisiatif	Tapak Menara Baharu		Naik Taraf Stesen Pemancar		Premis Tersedia Gentian Optik		Jalur Lebar Satelit	
	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap
Lenggong	17	-	46	14	1,360	440	4	-
Perak	176	45	1,882	1,523	252,475	96,329	73	-

Secara umumnya pelaksanaan kesemua inisiatif JENDELA ini telah bermula sejak bulan Oktober 2020 dan inisiatif yang dalam perancangan akan siap secara berperingkat sehingga penghujung tahun 2022.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peratusan liputan 4G di kawasan berpenduduk di seluruh negara telah meningkat kepada 94.03% pada suku kedua 2021 berbanding 91.8% sebelum pelaksanaan JENDELA pada suku kedua 2020. Peratusan liputan 4G di kawasan berpenduduk di Perak telah meningkat kepada 94.81% pada suku kedua 2021 berbanding 94.71% sebelum pelaksanaan JENDELA pada suku kedua 2020. Manakala, di Parlimen Lenggong pula telah meningkat kepada 62.08% pada suku kedua 2021 berbanding 43.37% sebelum pelaksanaan JENDELA pada suku kedua 2020. Apabila kesemua inisiatif Fasa 1 siap kelak, liputan 4G di kawasan berpenduduk di Parlimen Lenggong dijangka akan meningkat kepada 78.35% menjelang penghujung tahun 2022. Tidak dinafikan peratusan ini masih rendah berbanding sasaran liputan kebangsaan, namun begitu pihak Kementerian sentiasa mengkaji keperluan untuk meningkatkan kualiti dan mengisi kelompongan liputan dalam Jendela Fasa 2 kelak. Selain itu, usaha penambahbaikan rangkaian akan diteruskan untuk memberikan kualiti pengalaman yang lebih baik kepada pengguna.

Peratusan Liputan di seluruh negara, Negeri Perak dan Parlimen Lenggong

	% LTE Kawasan berpenduduk	
	Sebelum JENDELA (Q2 2020)	JENDELA (Q2 2021)
Seluruh negara	91.8%	94.03%
Perak	94.71%	94.81%
Lenggong	43.37%	62.08%

Selain dari pembinaan menara-menara telekomunikasi, Pihak Kerajaan turut akan melaksanakan Penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah Point of Presence (PoP) hab gentian optik yang merupakan salah satu alternatif dalam memastikan jaringan dan liputan infrastruktur jalur lebar dapat diperluaskan ke kawasan sekitar sekolah dan berpenduduk dengan lebih baik.

Pelaksanaan ini akan menjadikan lokasi berhampiran sekolah luar bandar sebagai hab untuk menyediakan infrastruktur jalur lebar gentian optik untuk kegunaan sekolah, kawasan perindustrian, premis-premis kerajaan berhampiran dan masyarakat sekelilingnya. Fasa 1 akan melibatkan 630 lokasi berhampiran sekolah dan Fasa 2 pula akan melibatkan 3,693 lokasi berhampiran sekolah di kawasan luar bandar di seluruh negara. Sekurang-kurangnya sebanyak 432,300 premis akan menerima perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi apabila projek ini siap kelak.

Pelaksanaan JENDELA akan terus digiatkan bagi memastikan impak pelaksanaannya dapat diterima dengan cepat oleh Rakyat. Ini termasuklah mengkaji semula secara berkala sasaran-sasaran awal yang telah ditetapkan sebelum ini seperti bilangan menara baharu yang akan dibina, stesen pemancar yang dinaiktaraf serta premis-premis yang mendapat akses gentian optik bagi memastikan keperluan Rakyat sentiasa diutamakan.

Menerusi portal *JENDELA Map* (<https://jendela.my>) yang telah dilancarkan pada Julai lepas, maklumat yang diperolehi daripada

pengguna secara terus menerus sumber khalayak atau *crowdsourcing*, dapat digunakan sebagai maklumat bagi membuat perancangan penambahbaikan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar dari semasa ke semasa. Oleh itu, para pengguna disaran melayari portal *JENDELA Map* bagi melaporkan lokasi yang kurang mendapat liputan agar boleh dimasukkan ke dalam perancangan masa hadapan.

Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR)

Kerajaan mengambil maklum berkenaan maklumbalas rakyat yang menginginkan kesalinghubungan lebih baik, harga mampu milik dan memastikan penyampaian lebih berkualiti lebih-lebih lagi semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyaksikan peningkatan mendadak penggunaan Internet untuk pelbagai urusan seperti aktiviti pembelajaran, e- dagang dan juga hiburan.

Untuk meringankan beban rakyat dan memastikan kesalinghubungan digital tidak terjejas semasa tempoh pandemik ini, terutamanya agar sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) berjalan dengan lancar, pihak MCMC bersama-sama dengan syarikat telekomunikasi telah pun menjalankan pelbagai program dan inisiatif supaya rakyat Malaysia terus berpeluang menikmati perkhidmatan internet.

Selain daripada inisiatif Kerajaan bagi menambahbaik infrastruktur digital, terdapat 873 Pusat Internet Komuniti (PIK) yang telah tersedia di kawasan miskin bandar, pinggir bandar dan luar bandar juga boleh dimanfaatkan oleh orang ramai terutamanya para pelajar dalam memastikan proses PdPR berjalan lancar sebagai persediaan menghadapi peperiksaan besar seperti SPM dan STPM. Terdapat 66 PIK sedang beroperasi di negeri Perak, manakala di Parlimen Lenggong terdapat 3 PIK sedang beroperasi.

Pakej Remaja dan Peranti Keluarga Malaysia

Kerajaan bertanggungjawab memastikan bahawa setiap orang mempunyai akses pada kos yang berpatutan untuk memanfaatkan

Internet. Baru-baru ini, Kementerian telah bertemu dengan syarikat telekomunikasi untuk berbincang mengenai cara-cara membantu rakyat dalam jangka masa pendek.

Pada 15 September 2021, Kementerian telah mengumumkan pakej baharu untuk membantu golongan remaja dan pelajar memperoleh akses Internet dan bagi semua terutamanya golongan yang kurang berkemampuan, peranti pintar yang mampu milik.

Pakej Remaja Keluarga Malaysia adalah pakej prabayar khusus untuk golongan remaja dan pelajar termasuk pelajar pascasiswazah. Dengan hanya RM10/sebulan (Dibayar untuk 3 bulan/RM30), mereka akan mendapat data 20GB untuk tiga (3) bulan. Selain itu, turut diberikan adalah data 1GB (Jumlah 90GB) percuma untuk aktiviti produktiviti setiap hari serta Internet asas tanpa had. Dengan pakej ini, pengguna boleh melakukan aktiviti seperti penghantaran mesej dan melayari Internet. Manakala, bagi data produktiviti, pembelajaran dalam talian serta aktiviti bekerja dari rumah boleh dilakukan tanpa kekangan data.

Bagi data 20GB pula, ianya boleh digunakan untuk aktiviti seperti penurunan video ataupun permainan dalam talian. Ia boleh membantu pengguna untuk merehatkan diri dengan kebolehan untuk hiburan.

Pakej ini memudahkan pelanggan remaja dan pelajar, yang kini tidak perlu lagi menambah nilai setiap bulan. Remaja dan pelajar di bawah umur 21 tahun hanya perlu mendaftar dengan MyKad sementara pelajar melebihi 21 tahun perlu mendaftar dengan kad pelajar. Kerajaan berharap agar golongan ini dapat memanfaatkan kemudahan dan melancarkan pembelajaran serta urusan seharian mereka.

Kerajaan juga sedar bahawa setiap keluarga memerlukan alat peranti pintar agar tidak ketinggalan dalam meneruskan kelangsungan hidup. Oleh itu, turut disediakan adalah pakej baharu untuk mampu milik peranti iaitu **Pakej Peranti Keluarga Malaysia**. Pakej Peranti Keluarga Malaysia akan membolehkan rakyat Malaysia memiliki atau menaik taraf kepada peranti mudah alih dan VoLTE secara percuma. Peranti tersebut dapat dimiliki dengan langganan serendah RM40 sebulan melalui kontrak

SOALAN NO : 21

selama 12 hingga 24 bulan tertakluk kepada jenis peranti dan perkhidmatan yang dilanggan. Pakej ini termasuk 1GB data percuma untuk aktiviti produktiviti. Setiap pengguna yang layak boleh melanggan sehingga dua (2) pakej dengan mendaftar kad pengenalan yang sama. Adalah diharapkan agar lebih ramai ahli keluarga mendapat manfaat sempurna daripada pemilikan peranti mudah alih 4G dan VoLTE ini, untuk melengkapkan pengalaman Internet mereka. Tempoh mendaftar untuk kedua-dua pakej tersebut adalah mulai 15 Oktober 2021 hingga 15 April 2022.

Kerajaan yakin dengan kedua-dua pakej ini, Keluarga Malaysia bukan sahaja akan menikmati kesalinghubungan yang lebih baik bahkan juga harga yang mampu milik dan tahap penyampaian perkhidmatan yang lebih berkualiti.

Pemberian data internet percuma 1GB

Pemberi perkhidmatan mudah alih utama menawarkan internet secara percuma sebanyak 1GB setiap hari (bersamaan 30GB data percuma setiap bulan) bermula dari 1 April 2020 di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), yang kini dilanjutkan sehingga akhir tahun 2021 di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH). Penggunaan data percuma 1GB ini terhad kepada aktiviti produktiviti dan khusus untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran atas talian.